

# Pelajar IPT didenda gara-gara halang pihak polis jalankan tugas

**SIBU:** Seorang pelajar institusi pengajian dijatuhi hukuman denda RM1,800 atau penjara sebulan oleh Mahkamah Majistret di sini, semalam atas pertuduhan menghalang pihak polis menjalankan tugas serta melerikan diri ketika hendak diperiksa.

Muhammad Nur Akmal, 23, dijatuhi hukuman itu oleh Majistret Oon Kork Chern setelah mengaku bersalah terhadap pertuduhan yang dibacakan mengikut Seksyen 186 Kanun Keseksaaan.

Seksyen 186 ini memperuntukkan hukuman penjara sehingga dua tahun atau denda sehingga RM10,000 atau kedua-duanya sekali jika sabit dengan kesalahan.

Mengikut pertuduhan, Muhammad Nur didakwa gagal memberi kerjasama serta menghalang seorang anggota polis daripada menjalankan tugas apabila bertindak melerikan diri dengan mengundurkan kenderaan yang dipandunya sehingga

melinggar kereta anggota polis terbabit.

Dia didakwa melakukan kesalahan itu pada 13 Januari lalu, kira-kirajam 9.15 malam di tepi Jalan Lau King Howe.

Berdasarkan fakta pertuduhan kes, tertuduh bersama teman wanitanya yang berumur 18 tahun berada di dalam kenderaan jenis pelbagai guna yang diparkirkan di tepi Jalan Lau King Howe.

Apabila pengadu bersama anggota polis yang lain menghampiri kenderaan tertuduh dan memperkenalkan diri, tertuduh bertindak mengundurkan kenderaan yang dipandunya lalu melerikan diri dari tempat kejadian.

Tindakan tertuduh itu juga telah menyebabkan sebuah kereta polis mengalami kerosakan pada bahagian pintu belakang sebelah penumpang.

Pengadu bertindak mengejar kenderaan tertuduh sebelum berjaya menahannya di Jalan Quarry.

Tertuduh dalam kenyataannya memberitahu melerikan diri kerana panik serta takut apabila dihampiri pihak polis secara tiba-tiba pada malam itu.

Muhammad Nur yang diwakili peguam Rosli Gapor merayu dikenakan hukuman ringan dan dikenakan hukuman denda sahaja.

Beliau memberitahu tertuduh kesal dengan tindakan itu serta berjanji tidak mengulanginya.

Rosli juga memberitahu, pengakuan bersalah tertuduh juga telah banyak menjimatkan kos dan masa mahkamah.

Sementara pegawai pendakwaan kes ASP Linggi Tawi memohon mahkamah mengekan hukuman setimpal, selain memberitahu tertuduh tidak mempunyai rekod lampau.

Kejadian tertuduh melerikan diri itu telah berjaya dirakamkan orang ramai di Dataran Tuanku Bujang serta tular di media sosial baru-baru ini.